

Bulatkan kata ganda yang paling sesuai.

1. Lipas mempunyai sepasang _____ yang panjang.
A jejentik
B lelangit
C sesungut

2. Mak Mira sedang menyapu _____ yang gugur di halaman rumahnya.
A kekisi **C** jejari
B dedaun **D** rerama

3. Seluruh Taman Sentosa menjadi _____ apabila bekalan elektrik terputus.
A huru-hura
B gelap-gelita
C warna-warni



Rambut Lee Hong _____ kerana ditiup angin kencang.
A riuh-rendah **C** kusut-masai
B lemah-lembut **D** susah-payah

5. Azlan tidak berselera untuk makan kerana _____ mulutnya luka.
A jejari **C** peparu
B lelangit **D** gegendang

6. Bangunan di ibu kota _____ belaka.
A panas-panas **C** langit-langit
B comel-comel **D** tinggi-tinggi

7. Ibu berpesan kepada abang supaya jangan menunggang motosikal _____ di jalan raya.
A kira-kira
B laju-laju
C lumba-lumba

8. Ketibaan _____ khas itu disambut dengan paluan kompang.
A lelaki **C** tetamu
B riang **D** tetangga

9. _____ basikal Ravi telah berkarat kerana tidak dijaga dengan baik.
A Pepejal **C** Jejari
B Dedaun **D** Papatung

10. Penduduk Kampung Hilir diminta _____ untuk menghadapi banjir pada musim tengkujuh.
A bersiap-siap
B berbaik-baik
C berbagai-bagai

11. _____ yang rendang ditanam di sepanjang jalan menuju ke bandar.
A Dedaun **C** Sesiku
B Pepohon **D** Lelayang

12. Malam tadi hujan turun _____.
A rama-rama **C** malu-malu
B sepoi-sepoi **D** renyai-renyai

13. Jalan menuju ke Tanah Tinggi Genting _____.
A mundar-mandir
B kering-kontang
C gotong-royong
D bengkok-bengkok



_____ lagi. Pak Long keluar untuk menoreh getah di ladang.
A Pagi-pagi **C** Sihat-sihat
B Diam-diam **D** Hampir-hampir